



TUN Dr. Mahathir Mohamad menerima sijil pendaftaran kapal layar Apanama daripada Ong Tee Keat di Langkawi, semalam.

## Kementerian Pengangkutan sedia 7 bot ambulans

LANGKAWI 7 Mei - Kementerian Pengangkutan telah menyediakan tujuh buah bot ambulans bagi kemudahan perkhidmatan rawatan kecemasan untuk penduduk sekitar pulau di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Ong Tee Keat berkata, kesemua bot ambulans berharga RM56 juta itu mempunyai kelengkapan perubatan yang canggih dan ditempatkan di Pulau Langkawi, Pelabuhan Klang, Mersing, Pulau Tioman, Pulau Pangkor, Kuala Terengganu dan Labuan.

"Ini adalah usaha kerajaan menjaga kebajikan dan menyalurkan bantuan perkhidmatan perubatan kepada penduduk sesebuah pulau dengan membawa pesakit ke hospital di tanah besar," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan bot ambulans di sini hari ini.

Bot ambulans tersebut akan dikendalikan oleh Jabatan Laut Malaysia.

Tee Keat berkata, bot ambulans itu dilengkapi dengan kemudahan seperti bilik khas untuk pegawai perubatan, ruang dek terbuka untuk pemindahan beramai-ramai dan bilik pengasingan dilengkapi dengan alat bantuan perubatan.

Turut hadir pada majlis penyerahan itu ialah bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai. -BERNAMA